



**فرتوبوهن كبڤسائڤ ملايو برساتو**  
**PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU**  
**(UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION) UMNO**

No. Pendaftaran 676/88 (Wilayah Persekutuan)

**SETIAUSAHA AGUNG**

UMNO/R/SUA/2/Jld.2/38

14 Oktober 2020

**SETIAUSAHA UMNO BAHAGIAN-BAHAGIAN**  
**PEN. SETIAUSAHA WANITA UMNO BAHAGIAN-BAHAGIAN**  
**PEN. SETIAUSAHA PERGERAKAN PEMUDA UMNO BAHAGIAN-BAHAGIAN**  
**PEN. SETIAUSAHA PERGERAKAN PUTERI UMNO BAHAGIAN-BAHAGIAN**

*Yang Berhormat/Yang Berbahagia,*

**MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN, WANITA, PERGERAKAN  
PEMUDA DAN PERGERAKAN PUTERI UMNO BAHAGIAN TAHUN 2020**

Dengan hormatnya saya merujuk surat Ibu Pejabat Bil.UMNO/R/SUA/2/Jld.2/36 bertarikh 2 September 2020 mengenai perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan, bahawa Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian, Wanita, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Puteri UMNO Bahagian Tahun 2020 telah ditetapkan semula sebagaimana berikut:-

- 2.1 TARIKH** : 6,7,8 November 2020 (Jumaat,Sabtu,Ahad)
- PERASMI** : Ketua UMNO Bahagian masing-masing
- KORUM** : Satu Perempat ( $\frac{1}{4}$ ) daripada Jumlah Wakil - wakil Atau Ahli Yang Berhak hadir.

3. Namun, jemputan Perwakilan ke Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian empat peringkat itu perlu dibuat melebihi jumlah  $\frac{1}{4}$  kerana khawatir ada yang tidak boleh hadir pada saat akhir.

4. Semua Mesyuarat Perwakilan Wanita, Pergerakan Pemuda dan Puteri UMNO Bahagian hendaklah diadakan sebelum Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian masing-masing.



*Rakyat Didahulukan  
People First*



46322/A/0001/UK/En

**BERSATU - BERSETIA - BERKHIDMAT**

Surat-surat hendaklah dialamatkan kepada: Setiausaha Agung, Ibu Pejabat Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO  
Tingkat 38, Menara Dato' Onn, Jalan Tun Ismail, 50480 KUALA LUMPUR. Tal: 03-40429511 Faks: 03-40416955  
Peti Surat 11782, 50756 KUALA LUMPUR.

Laman Web : [www.umno-online.com](http://www.umno-online.com) | e-Mel: [info@umno.org.my](mailto:info@umno.org.my)

UMNO/R/SUA/2/Jld.2/38

14 Oktober 2020

Mukasurat ... 2/

5. Bagi Perwakilan Wanita, Pergerakan Pemuda dan Puteri UMNO Bahagian (G2) ke Perhimpunan Agung Pergerakan Sayap UMNO 2020 perlu diadakan pemilihan selaras dengan 14.3.6 Peraturan Pergerakan. Manakala bagi Perwakilan UMNO Bahagian-bahagian (G7) ke Perhimpunan Agung UMNO 2020 juga perlu diadakan pemilihan selaras dengan Fasal 14.5.2 Perlembagaan UMNO.

6. Dimaklumkan juga bahawa tarikh Perhimpunan Agung UMNO 2020 adalah seperti berikut:-

- \* Perasmian Perhimpunan Agung Wanita, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Puteri  
- 17 Disember 2020 ( Khamis - Malam )
- \* Perhimpunan Agung Wanita, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Puteri  
- 18 Disember 2020 ( Jumaat )
- \* Perasmian Perhimpunan Agung UMNO  
- 18 Disember 2020 ( Jumaat – Malam )
- \* Perhimpunan Agung UMNO  
- 19 Disember 2020 ( Sabtu )

7. Kenyataan Media saya bertarikh 13 Oktober 2020 mengenai tarikh - tarikh mesyuarat adalah berkaitan. Semoga pihak Yang Berhormat/Yang Berbahagia dapat mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara di atas.

Sekian, terima kasih.

**BERSATU ~ BERSETIA ~ BERKHIDMAT**



**DATUK SERI HAJI AHMAD BIN MASLAN**

- s.k :
- i. Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri-negeri
  - ii. Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Negeri-negeri